



**PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL**  
**CENTER FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION**

Rujukan : UKM. KPD. BPA.600-4/3/2  
Tarikh : 24 Februari 2023

Semua Pelajar  
Program Prasiswazah  
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

**MAKLUMAT PENTING PENDAFTARAN SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2022-2023**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 2 Sesi Akademik 2022-2023 akan bermula pada **27 Mac 2023**.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

| PERKARA  | BUTIRAN   |
|--|---|
| <b>PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2022-2023</b> | Pelajar yang telah membuat pendaftaran awal boleh menyemak kursus yang telah didaftarkan di SMPE. Manakala bagi pelajar yang tidak membuat pendaftaran awal, boleh mendaftar kursus dalam tempoh tambah kursus <b>bermula 27 Mac 2023</b> . Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web UKMShape sebagai panduan. |
| <b>CAJ LEWAT MENDAFTAR</b>                                   | Bagi pelajar yang masih tidak membuat pendaftaran selepas tempoh tambah kursus tamat akan dikenakan caj sebanyak RM50 seperti yang terdapat di dalam Peraturan Am Kewangan UKMShape.  |
| <b>DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR</b>                   | Pelajar akan diberikan status <b>"DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR"</b> jika tidak membuat pendaftaran sehingga <b>selewat-lewatnya pada 30 April 2023</b> .   |



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

**PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL**

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4073 Faks: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape

|  |  |
|--|--|
| <p><b>JADUAL PERKULIAHAN</b></p>   | <p>Jadual perkuliahan akan dipaparkan di laman web UKMShape <b>selewat-lewatnya seminggu sebelum sesi perkuliahan bermula</b>. Pelajar juga dinasihatkan sentiasa menyemak jadual kuliah untuk maklumat terkini.</p>   |
| <p><b>PEMBAYARAN YURAN</b></p>   | <p>Pelajar hendaklah menjelaskan <b>SEMUA YURAN TERTUNGGAK DAN SEMASA</b>. Pembayaran yuran semester semasa hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 40% daripada yuran semester semasa <b>sebelum atau pada 13 Mac 2023</b>.</p> <p>Pelajar yang mempunyai penaja, mohon serahkan surat kelulusan tajaan kepada Bahagian Kewangan UKMShape jika belum berbuat demikian.</p> <p>Semakan status kewangan pelajar boleh disemak di laman web portal kewangan UKM di <a href="https://ekewangan.ukm.my">https://ekewangan.ukm.my</a></p>  |
| <p><b>EDARAN BAHAN BACAAN/MODUL SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2022-2023 (PROGRAM PBJJ DAN EKSEKUTIF BERKENAAN SAHAJA)</b></p> | <p>Edaran bahan bacaan/modul Semester 2 Sesi Akademik 2022-2023 <b>bermula pada 27 Mac 2023</b>. Edaran bahan bacaan adalah merujuk kepada Peraturan Am Kewangan Pelajar iaitu hanya pelajar yang telah menyelesaikan bayaran yuran akan diberi bekalan bahan bacaan dan buku.</p> <p><b>PERINGATAN :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>PELAJAR PERLU MENCETAK SLIP PENDAFTARAN KURSUS DI SMPE DAN</b></li> <li>• <b>MEMBAWA SLIP TERSEBUT BAGI TUJUAN PENGAMBILAN BAHAN BACAAN/MODUL.</b></li> <li>• <b>PELAJAR PERLU MEMASTIKAN HANYA KURSUS YANG HENDAK DIAMBIL SAHAJA YANG DIDAFTARKAN DI SMPE. INI ADALAH KERANA CAJ AKAN DIKENAKAN KEPADA PELAJAR YANG GUGUR/TARIK DIRI KURSUS SEPERTI YANG TERDAPAT DI DALAM PERATURAN AM KEWANGAN PELAJAR UKMSHAPE.</b></li> </ul> |



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

**PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN**

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
 Tel.: +603-8921 4073 Faks: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp



**PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL**  
**CENTER FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION**

|                                |  |
|--------------------------------|--|
| <b>BIODATA PELAJAR DI SMPE</b> | Pelajar adalah bertanggungjawab untuk mengemaskini maklumat pelajar di SMPE pada setiap semester sekiranya terdapat perubahan. |
|--------------------------------|--|

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada Semester 1 Sesi Akademik 2022-2023.

Sekian, untuk makluman dan perhatian saudara/i. Terima kasih.

Yang benar,

**SHAMSUL ADZHAR BIN MAT BAKI**  
Ketua Bahagian Akademik  
b.p. Timbalan Pengarah

- s.k.
- Penyelaras Program
  - Ketua Bahagian Pentadbiran, UKMShape
  - Bahagian Kewangan, UKMShape
  - Penelia Pusat Kuliah

